



Simbolik Hari Wanita Antarabangsa

PENGUNJUNG melihat arca seni kasut pada sambutan Hari Wanita Antarabangsa ke-106 di Universiti UCSI, di Kuala Lumpur baru-baru ini.

PELBAGAI acara dianjurkan sempena Hari Wanita Antarabangsa yang disambut serentak di seluruh dunia pada 8 Mac lalu.

Kumpulan Pendidikan UCSI turut tidak melepaskan peluang untuk meraikannya dengan cara yang tersendiri apabila mengadakan pameran seni *Shoe for Art* di Universiti UCSI, Kampus Kuala Lumpur.

Mempamerkan sebanyak 106 rekaan kasut, sebagai simbolik kepada tahun yang ke-106 sambutan Hari Wanita Antarabangsa, kesemua kasut ini direka oleh peserta yang terdiri daripada kalangan profesor, kakitangan, dan pelajar UCSI sendiri.

Mereka diberi kebebasan mengekspresikan cita-cita dan

pandangan mereka melalui karya seni yang diterjemahkan pada kasut but.

Naib Canselor yang juga Presiden Universiti UCSI, **Datin Lily Ng** berkata, dia gembira kerana dapat bersama-sama meraikan Hari Wanita Antarabangsa dengan seluruh pelajar dan kakitangan wanita di universiti tersebut, yang mana pusat pengajian tinggi juga tidak terkecuali untuk meraikan wanita.

“Pada hari ini, wanita tidak lagi dipandang enteng bahkan golongan wanita kini diberi pengiktirafan dan kedudukan yang sama rata dalam semua bidang, selain kesaksamaan jantina.

“Seratus tahun lalu, wanita tidak mempunyai hak untuk mengundi, hak untuk bekerja, dan hak untuk melanjutkan pelajaran, namun hari ini banyak perubahan besar yang telah dilakukan.

“Kami berharap lebih banyak lagi perubahan ke arah memperkasa kedudukan wanita dalam pelan kemapanan global.

“Ini akan menyaksikan penglibatan secara aktif golongan wanita sama ada pada peringkat antarabangsa mahupun di dalam negara yang bakal memberi impak kepada golongan wanita dalam bidang



ekonomi, sosial, dan politik,” katanya dalam ucapan perasmian pameran *Shoe for Art* di Universiti UCSI, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menurut Lily, ramai yang tidak menyedari eksekutif wanita korporat hanya mempunyai peratusan 14 peratus di dunia dan di sesetengah negara, wanita masih dilayan secara tidak adil.

Ujarnya, pihak universiti sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai hal ini dan dalam masa yang sama mengiktiraf sumbangan serta pencapaian

wanita.

Sementara itu, kesemua kasut but tersebut akan dipamerkan di UCSI sepanjang Mac ini sebelum dipindahkan ke KL City Gallery pada April depan untuk dipamerkan kepada orang ramai pula.

But-but yang dihasilkan akan dilelong dan hasil lelongan akan disalurkan ke *Sin Chew Hope Reading Fund* serta Yayasan Budi Penyayang yang aktif dalam pendidikan, kesukarelawan, kesihatan, pemeliharaan budaya dan latihan kemahiran.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Budi Penyayang, **Datuk Lela Mohd Ali**, menyambut baik kempen yang dilakukan oleh universiti tersebut dan kerjasama dapat dipertingkatkan untuk acara-acara akan datang.

“Kaum wanita mempunyai pendapat yang berbeza mengenai kasut tumit tinggi. Ada yang mengatakan kurang selesa dan ada juga yang berpendapat pemakaiannya mencerminkan tahap keyakinan diri.

“Sungguhpun begitu, masih ramai wanita memakainya dan berjaya memberi inspirasi kepada generasi muda yang lain.

“Saya berharap kempen seperti ini diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang seterusnya menjadi simbol kepada perjalanan kejayaan wanita pada hari ini,” katanya.



LILY NG